



## KPDNHEP Tidak Kompromi Pengusaha Salun Rambut Naikkan Harga Perkhidmatan

JUNE 15, 2020

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarawak tidak akan berkompromi terhadap pengusaha salun rambut yang didapati menaikkan caj secara tidak munasabah, tegas Pengarah KPDNHEP Sarawak Datuk Stanley Tan.

"Pihaknya kini sedang menjalankan pemeriksaan di bawah Ops Catut 7.0 ke atas salun-salun rambut di seluruh negeri.

"Pemeriksaan secara harian ini bagi memastikan para peniaga mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan," katanya dalam satu kenyataan.

Katanya lagi, notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011) turut diserahkan kepada pengusaha salun rambut bagi memberi maklum balas berkenaan caj perkhidmatan pemotongan rambut dan dandanan yang dikenakan kepada pelanggan.

“Sekiranya ada peniaga yang didapati mengambil kesempatan dengan menawarkan harga yang tidak munasabah atau lebih tinggi daripada harga asal, maka siasatan akan dijalankan di bawah Seksyen 14 AKHAP 2011 kerana disyaki mencatut, iaitu disyaki mengambil keuntungan yang tidak munasabah,” ujarnya.

Jika disabit kesalahan, individu boleh didenda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya manakala syarikat atau Pertubuhan Perbadanan boleh didenda sehingga RM500,000.

<https://tvsarawak.com/kpdnhep-tidak-kompromi-pengusaha-salun-rambut-naikkan-harga-perkhidmatan/>

